

BERITA HARIAN

DATE: 24/09/2007

# Ekonomi, ringgit kukuh mampu hadapi krisis: PM

BH-24/9/2007

## Kelembapan kewangan Amerika Syarikat boleh jejas eksport negara

**K**UALA LUMPUR: Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang teruk akan memberi kesan kepada prestasi ekonomi negara kerana ia mengurangkan eksport ke negara berkenaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, keadaan ini sama seperti ketika kelembapan ekonomi Amerika terdahulu sehingga menyebabkan pengurangan permintaan terhadap barang keluaran negara.

"Ini seperti yang berlaku dulu. Banyak barang industri kita tidak dapat dihantar ke Amerika langsung kerana semua permintaan dihentikan sebab krisis dihadapi negara itu.

"Semua itu bergantung, jika kelembapan itu teruk sangat, (ia) memang mengena kepada kita. Ia ada hubung kait dengan Fed (Federal In-

terest Rate) interest, naik turun turut juga mempengaruhi suasana pelaburan di negara kita. Secara langsung juga kepada sentimen pasaran saham," katanya dalam temu bual menerusi rancangan 30 minit *VIP Awani*, saluran 95 Astro malam tadi.

Temu bual yang dikendalikan pengacara Suhaimi Sulaiman dirakamkan di Kementerian Kewangan, Putrajaya, Khamis lalu.

Abdullah mengulas persediaan Malaysia bagi menghadapi kemungkinan berlaku kelembapan pada ekonomi Amerika berikutan krisis gada janji subprima.

Penganalisis ekonomi meramalkan ekonomi negara itu akan mengalami kelembapan selepas Rizab Persekutuan Amerika Syarikat baru-baru ini mengurangkan kadar faedah 50 mata asas kepada 4.75 peratus bagi

merangsangkan semula ekonomi yang terjejas teruk akibat krisis itu.

Abdullah bagaimanapun berkata, Malaysia tidak akan menghadapi krisis sama seperti di Amerika Syarikat memandangkan kedudukan ekonomi negara lebih kukuh berdasarkan beberapa petunjuk.

"Misalnya industri binaan menunjukkan peningkatan, walaupun sekian lama kita hadapi masalah, 10 suku tahun lembap, tiba-tiba sekarang sudah naik kepada 4 peratus," katanya.

Beliau berkata, industri pekilangan juga masih menunjukkan peningkatan selain berada pada tahap lebih kukuh, di samping simpanan negara berada dalam keadaan baik.

Selain itu, katanya, sektor perkhidmatan juga berkembang pesat sehingga menjadi satu daripada sektor

utama ekonomi negara, mengatasi sektor pekilangan.

"Nilai wang kita pun stabil, semua ini memberi kekukuhan selagi kita sentiasa mahu memantau apa yang berlaku di mana-mana yang memberikan kesan kepada kita," katanya.

Mengenai integrasi Ekonomi Asean pada 2015, Perdana Menteri berkata, langkah ke arah itu dilaksanakan dengan mengambil kira tahap pembangunan ekonomi negara anggota yang berbeza.

Beliau juga berkata, syarikat tempatan perlu memastikan produk mereka bermutu, dijual pada harga berpatutan selain menyediakan sejumlah peruntukan untuk promosi jika mahu menembusi pasaran antarabangsa, walaupun sesetengahnya menggunakan sekatan perdagangan bukan tarif. - Bernama